

TERHAD

**ARAHAN AMALAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG
BILANGAN 1 TAHUN 2014**

Kepada:

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Semua Dekan/Timbangan Dekan
Semua Pengarah/Timbangan Pengarah
Semua Ketua Pentadbiran
Semua Timbalan Pendaftar Kanan/Timbangan Pendaftar/Ketua Penolong Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar
Semua Timbalan Bursar Kanan.Timbangan Bursar/Ketua Penolong Bursar/
Penolong Bursar Kanan/Penolong Bursar
Semua Timbalan Ketua Pustakawan Kanan/ Timbalan Ketua Pustakawan/Ketua
Penolong Pustakawan Kanan/Pustakawan
Semua Pengetua Kolej
Semua Ketua Jabatan
Semua Ketua Bahagian
Semua Pengurus Kolej
Semua Ketua Laboratori
Semua Ketua Seksyen/Unit

Mendapatkan Salinan Bersih dan Muktamad Dokumen atau Suratcara Undang-Undang termasuk Perjanjian atau Memorandum Persefahaman Muktamad Daripada Penasihat Undang-Undang Sebelum Dokumen atau Suratcara itu ditandatangani

Tujuan

1. Arahan Amalan ini bertujuan menyeragamkan amalan mendapatkan salinan bersih dan muktamad bagi sesuatu dokumen atau suratcara undang-undang termasuk perjanjian atau memorandum persefahaman (selepas ini

TERHAD

disebut sebagai 'Dokumen atau Suratcara Undang-Undang') daripada Penasihat Undang-Undang sebelum Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu ditandatangani oleh Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor, semasa ketiadaan Naib Canselor dalam Universiti.

Latar Belakang

2. Penasihat Undang-Undang mendapati—

(1) ada Pusat Tanggungjawab yang telah menyediakan atau mendapatkan tandatangan Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor bagi sesuatu Dokumen atau Suratcara Undang-Undang tanpa mendapatkan salinan bersih dan muktamad Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu daripada Penasihat Undang-Undang setelah draf Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu diperakui atau diluluskan oleh Naib Canselor atau Lembaga Pengarah Universiti, mengikut mana yang berkenaan;

(2) ada Pusat Tanggungjawab yang telah mendapatkan kebenaran menandatangani sesuatu Dokumen atau Suratcara Undang-Undang daripada Naib Canselor, sebelum draf Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu diberikan penasihat yang sewajarnya oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti kepada Naib Canselor, dan telah menggunakan salinan Dokumen atau Suratcara Undang-Undang yang silap semasa Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu ditandatangani oleh Naib Canselor kerana Pusat Tanggungjawab itu, sebaik sahaja Naib Canselor bersetuju mengenai Dokumen atau Suratcara Undang-Undang, telah tidak, enggan atau cuai mendapatkan salinan bersih dan muktamad bagi Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu daripada Penasihat Undang-Undang;

TERHAD

TERHAD

(3) ada Pusat Tanggungjawab yang tidak membuat rujukan dan mendapatkan penasihat mengenai sesuatu Dokumen atau Suratcara Undang-Undang daripada Penasihat Undang-Undang dan tidak melalui Pejabat Pemasaran dan Komunikasi, dan juga tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Naib Canselor, telah mengaturkan majlis tandatangan bagi Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu dengan pihak ketiga sehingga menyebabkan Naib Canselor dan Universiti berada dalam keadaan serba salah dan memalukan.

3. Bagi menjaga kepentingan undang-undang Universiti, dan mengelakkan Universiti berada dalam keadaan serba salah dan memalukan, Penasihat Undang-Undang mengarahkan—

(1) semua salinan bersih dan muktamad bagi sesuatu Dokumen atau Suratcara Undang-Undang (tetapi tidak termasuk suratcara berkaitan perjanjian perkhidmatan bawah kawalan Pejabat Bursar) yang telah diperakukan atau diluluskan oleh Naib Canselor atau Lembaga Pengarah Universiti, mengikut mana yang berkenaan, yang sesuatu Pusat Tanggungjawab menghendaki Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu ditandatangani oleh Naib Canselor, atau Timbalan Naib Canselor semasa ketiadaan Naib Canselor, perlu diperolehi daripada Penasihat Undang-Undang;

(2) sesuatu Dokumen atau Suratcara Undang-Undang yang hendak ditandatangani dalam sesuatu Majlis Tandatangan, perlu melalui Pejabat Pemasaran dan Komunikasi, dan dirujuk bagi penasihat undang-undang Pejabat Penasihat Undang-Undang terlebih dahulu sebelum tarikh Majlis Tandatangan itu ditetapkan dengan pihak ketiga, dan salinan bersih dan muktamad bagi Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu yang digunakan semasa Majlis itu, perlu diperolehi dari Pejabat Pemasaran dan Komunikasi yang akan mendapatkan salinan bersih dan muktamad

TERHAD

TERHAD

Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu daripada Penasihat Undang-Undang;

(3) permintaan bagi mendapatkan salinan bersih dan muktamad sesuatu Dokumen atau Suratcara Undang-Undang untuk tujuan tandatangan oleh Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor semasa ketiadaan Naib Canselor, hendaklah dibuat dalam tempoh tiga hari berkerja dengan menyertakan nama penandatangan dan saksi bagi penandatangan itu, kepada Penasihat Undang-Undang. Bagaimanapun, dalam keadaan tertentu dan istimewa (yang hendaklah dimaklumkan kepada Penasihat Undang-Undang), Penasihat Undang-Undang akan membantu menyediakan salinan bersih dan muktamad Dokumen atau Suratcara Undang-Undang dalam tempoh yang lebih singkat.

4. Pusat Tanggungjawab dilarang mengemukakan kepada Naib Canselor, atau Timbalan Naib Canselor semasa ketiadaan Naib Canselor, apa-apa Dokumen atau Suratcara Undang-Undang yang salinan bersih dan muktamad Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu tidak diperoleh daripada Penasihat Undang-Undang.

5. Ketua Pusat Tanggungjawab yang tidak mematuhi Arahan Amalan ini hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa kepentingan undang-undang Universiti yang telah diprejudiskan akibat daripada perbuatan mengemukakan Dokumen atau Suratcara Undang-Undang yang tidak diperoleh daripada Penasihat Undang-Undang, kepada Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor semasa ketiadaan Naib Canselor, dan menyebabkan Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor itu menandatangani Dokumen atau Suratcara Undang-Undang itu.

6. Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai tarikh Arahan Amalan ini dan semua Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah memberitahukan kandungan Arahan Amalan ini kepada semua staf di Pusat Tanggungjawabnya agar amalan

TERHAD

TERHAD

mendapatkan salinan bersih dan muktamad sesuatu Dokumen atau Suratcara Undang-Undang dapat diseragamkan mulai tarikh kuat kuasa Arahan Amalan ini.

Bertarikh 1 April 2014.

[UPM/PUU/100-1/1/7/AA 1(2014)]

BERILMU BERBAKTI

Ratio Legis Est Anima Legis

Yang benar,



Profesor Madya Dr Rozanah Ab. Rahman

Penasihat Undang-Undang

Pejabat Penasihat Undang-Undang

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa
 - Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi
 - Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
 - Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat
 - Pendaftar
 - Bursar
 - Ketua Pustakawan
 - Pengarah Perancangan Korporat

TERHAD